

14 JUL 1999

Pilihan raya-Kedah (Analisis Berita)  
JOM PI KEDAH LAWAN JOM TAWAN KEDAH

Oleh: Jamaluddin Muhammad

ALOR SETAR, 14 Julai (Bernama) -- Slogan pelancongan kerajaan negeri "Jom Pi Kedah" kini kurang kedengaran sebaliknya slogan itu digantikan oleh PAS dengan "Jom Tawan Kedah" dalam kehangatan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

PAS memerlukan sekurang-kurangnya 19 kerusi daripada 36 kerusi Dewan Undangan Negeri untuk membentuk kerajaan negeri dengan majoriti mudah.

Parti itu kini hanya menduduki dua kerusi sahaja iaitu Bukit Raya yang disandang Presiden PAS Datuk Fadzil Noor dan Sala oleh Azizan Abdul Razak.

Walaupun bukan mudah untuk PAS mendapatkan 17 kerusi lagi, Kedah adalah di antara empat buah negeri yang diidamkan oleh PAS untuk ditawan sejak pilihan raya umum 1990 lagi.

Tiga lagi negeri ialah Perlis, Terengganu dan Kelantan. Hanya Kelantan yang berjaya ditawan setakat ini.

Menurut pemerhati politik, kalaulah pilihan raya diadakan esok sekalipun adalah sukar bagi PAS memenangi pilihan raya sehingga boleh membentuk kerajaan negeri di Kedah.

Bagaimanapun, PAS dijangka boleh memberi tentangan hebat terhadap tujuh kerusi Barisan Nasional (BN) di Kedah.

Kawasan itu ialah Kuala Nerang, Kupang, Belantek, Langgar, Anak Bukit, Pedu dan Jeneri. Kupang, Anak Bukit dan Pedu merupakan kawasan yang dipegang oleh Exco-exco Kedah.

Ini disebabkan faktor PAS hanya tewas tipis di kawasan-kawasan itu pada pilihan raya umum 1995.

Sebagai contoh, di Kuala Nerang, PAS hanya tewas 11 undi sahaja, Kupang (393 undi), Belantek (428 undi), Langgar (432 undi) Anak Bukit (568 undi), Pedu (1,047 undi) dan Jeneri (1,061 undi)

Bagaimanapun, sekiranya faktor itu diambilkira, PAS tidak boleh lupa bahawa wakil rakyatnya Azizan juga memenangi kawasan Sala dengan majoriti 196 undi sahaja pada pilihan raya umum lepas.

Parti itu kelihatan begitu serius dengan slogan "Jom Tawan Kedah" kerana boleh dikatakan setiap minggu mereka mengadakan ceramah sejak tahun lepas dan pernah beberapa ceramah itu turut dihadiri pemimpin Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Bukan sahaja kerusi Dewan Undangan Negeri, PAS turut memberikan tumpuan terhadap kerusi Parlimen termasuk Kubang Pasu yang dipegang oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehinggakan PAS sekarang mengisytiharkan Kubang Pasu sebagai Kubang Pas.

Malah Dr Wan Azizah dikatakan mungkin bertanding di Kubang Pasu berdasarkan kesediaannya.

"Kalau orang Kubang Pasu hendak saya bertanding di sini...apa salahnya," kata Dr Wan Azizah pada satu ceramah di Kubang Pasu.

Fadzil pernah menyatakan bahawa PAS akan menyokong Dr Wan Azizah sekiranya beliau bertanding di situ.

Bulan lepas, Keadilan menubuhkan jawatankuasa perhubungannya di peringkat Kedah.

Persoalannya sekarang mampukah beliau mencabar Dr Mahathir yang menduduki kerusi itu sejak 1974 dengan purata majoriti kira-kira 20,000 undi setiap kali menang.

PAS juga dikatakan sedang meninjau-ninjau kawasan Parlimen Sik (yang kini dipegang oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid

Othman), Pendang (Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri Datuk Othman Abdul) dan Padang Terap (Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Affifuddin Omar).

Ceramah-ceramah PAS tidak banyak menyentuh isu bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim tetapi lebih tertumpu kepada soal penyalahgunaan kuasa, pembaziran, rasuah dan kritikan terhadap kerajaan dalam mengendalikan ekonomi negara.

Kempen PAS dijangka diperhebatkan lagi minggu ini bagi menyeimbangkan sambutan hangat yang dijangka diberikan kepada Dr Mahathir yang melawat negeri kelahirannya selama dua hari bermula Sabtu ini.

Ceramah BN pula lebih berkisar kepada soal perpaduan, pertahankan kedaulatan negara daripada pengaruh luar, kejayaan kerajaan menangani kegawatan ekonomi dan penafian terhadap dakwah yang dibawa PAS.

Bagaimanapun, kedua-dua kempen Jom Pi Kedah dan Jom Tawan Kedah hanya menambahkan kehangatan suasana di negeri ini menjelang pilihan raya yang semua yakin akan diadakan tidak lama lagi.

-- BERNAMA

JM AKD